

NAMA: _____ TINGKATAN: _____

SOALAN BAHASA MELAYU SMA ISLAH 2021

TEMA: KEBERSIHAN DAN KEBERSIHAN

BAHAGIAN A (30 markah)

Maklumat di bawah dengan permakanan seimbang.

Huraikan pendapat anda tentang **makanan seimbang**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Makanan tak seimbang punca hidap kanser usus

Kurang bersenam, merokok antara sebab ramai lelaki kena barah

Berita Minggu, 29 Jun 08

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Gaya hidup tidak aktif di samping pengambilan makanan tidak seimbang menjadi punca golongan lelaki di negara ini lebih terdedah kepada kanser kolorektal, kanser yang berpunca daripada saluran usus besar, berbanding wanita.

Presiden Persatuan Gastrointestinal Malaysia (Messaged), Dr Raja Badrul Hisham Raja Zezeman Shah, berkata gaya hidup tidak sihat seperti pengambilan makanan berlemak, kurang bersenam atau merokok menjadi penyumbang kepada penyakit berkenaan.

Beliau berkata, mengikut statistik, dianggarkan lebih 12,000 pesakit menghidap barah kolorektal pada 2006.

"Tidak seperti kanser lain, jumlah peratusan pesakit yang menghidap kanser kolorektal ini semakin meningkat setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Kempen Kesedaran Kesihatan Messaged 2008 oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Faizah Mohd Tahir di sini, semalam.

Dr Raja Badrul Hisham berkata,

penyakit kanser bahagian usus lain seperti kanser esophagus, perut dan usus kecil walaupun kurang kerap sekiranya dibandingkan dengan usus besar berupaya memberi impak besar terhadap pesakit.

"Mereka yang ada penyakit ini sudah tentu menderita dan menghadapi banyak masalah, sama ada kewangan, sosial, psikologi dan keluarga. Justeru, kita perlu memberi kesedaran kepada mereka mengenai penyakit ini," katanya.

"Tidak seperti kanser lain, jumlah peratusan pesakit yang menghidap kanser kolorektal ini semakin meningkat setiap tahun"

Dr Raja Badrul Hisham Raja Zezeman Shah
Presiden Persatuan Gastrointestinal Malaysia (Messaged)

Penubuhan Messaged pada 2007 bertujuan meningkatkan kesedaran pihak awam mengenai penyakit berhubung kait dengan saluran usus. Persatuan itu turut bertindak sebagai satu badan amal untuk memberi keutamaan kepada pesakit terutama mereka yang menghidap kanser gastrointestinal ataupun gastrointestinal kronik.

"Dengan penubuhan ini, kita berharap ia menjadi landasan dan tapak bagi pesakit mahupun masyarakat

awam dan institusi untuk memberi kemudahan dari segi sokongan fizikal dan moral kepada pesakit dan mendidik masyarakat awam supaya pesakit ini dapat dikurangkan," katanya.

Sementara itu, Faizah berkata, Kementerian sentiasa komited dalam menangani isu kesihatan, terutama bahaya kanser. Statistik 2003 menunjukkan 16.5 wanita bagi setiap 100,000 populasi dan 12.9 peratus daripada jumlah kanser adalah di kalangan wanita.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan subsidi RM50 seorang kepada wanita yang mahu menjalani rawatan mamogram bagi mengesan penyakit ini. Program ini bertujuan menggalakkan mereka menjalani ujian sebagai pengesanan awal kanser payudara.

"Sejak program ini dilancarkan di seluruh negara sehingga kini sejumlah 2,688 wanita menjalani ujian berkenaan di mana 182 wanita atau 7.14 peratus memerlukan pemeriksaan lanjut dan 11 wanita atau 0.4 peratus daripadanya menunjukkan abnormal dan positif kanser," katanya.

Pada majlis itu, pelbagai aktiviti dijalankan antaranya pemeriksaan kesihatan percuma, ceramah kesihatan, derma darah, pameran dan demonstrasi serta khidmat nasihat kesihatan.



Tiada kata kunc

Murid-murid perlu bac
dan menganalisis
keseluruhan bahan.

Semua bahan wajib disentuh / digunakan sekurang-kurangnya 1

Murid-murid perlu memilih salah satu fokus.

Banyak fokus dalam satu karangan akan menjejaskan impression

Memadai 3 isi

Perenggan
(Pengenalan , Isi, Penutup)

Memulis Kuningan Berpanda

Penggunaan Bahasa

Ringkas, tepat, dan padat

Kesinambungan isi

Perlu diberi perhatian supaya karangan lancar

Penanda Wacana

Dalam pada itu, sehubungan dengan itu, sungguhpun demikian, dan sebagainya

This image shows a full page of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a template for writing or drawing. There are no margins, text, or other markings on the page.

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(.....patah perkataan)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 :MORFOLOGI

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Yang berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Kepentingan Sukan Air".

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 4*, DBP, 2019.

[6 markah]

Kata Nama Majmuk	Kata Kerja Majmuk	Kata Adjektif Majmuk
jalan raya	ambil alih	biru laut
guru besar	tunjuk ajar	hijau daun
kertas kerja	kenal pasti	merah jambu
susu pekat manis	kuat kuasa	muda remaja

BIL	KATA MAJMUH	BINA AYAT
1		
2		
3		

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. kenal pasti tiga **Frasa Kerja** dan tiga **Frasa Sendi Nama**.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan satu skim simpanan wang yang telah direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pembiayaan pengajian pendidikan tinggi. Melalui skim ini, pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan. Mulai 1 Januari 2012, para pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan bagi membiayai pengajian tinggi awam dan swasta wajib mempunyai akaun SSPN-I dengan simpanan minimum seperti yang ditetapkan oleh PTPTN.

Sumber : *Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Subjek	Predikat Frasa Sendi Nama	
	Sendi Nama	Frasa Nama
1. Mereka	di	Kuala Lumpur.
2. Hadiah itu	daripada	Ahmad.
3. Lukisan tersebut	oleh	Syed Jamal.
4. Tabung simpanan itu	untuk	masjid.
5. Kereta itu	ke	Kota Bharu.
6. Keluarnya	dari	pintu besar.

BIL	FRASA KERJA	FRASA SENDI NAMA
1		
2		
3		

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi **11 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Remaja hendaklah selalu mandi untuk jaga kebersihan kulit. Tambahan pula, remaja senang berpeluh. Sabun tidak dimudaratkan kulit dan jika di gunakan secara berlebihan dapat menyebabkan kulit menjadi kering. Sabun yang bersesuai hendaklah dipilih jika mempunyai kulit yang kering. Bahan pelembap kulit perlu disapu kepada kulit selepas mandi. Pelembap membantu mengekalkan kelembapan kulit. Minyak baby pula boleh digunakan untuk disapukan pada kulit yang kering. Remaja yang kulitnya berminyak pula bukan perlu menggunakan sembarang pelembap.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*

[11 markah]

BIL	SALAH	BETUL
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		

Soalan 4 : PERIBAHASA

Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **tiga** peribahasa sahaja dan berikan maksud peribahasa tersebut.

Amir: Ibu bapa perlu menunjukkan tatasusila yang terpuji pada setiap masa agar menjadi contoh yang baik kepada anak-anak.

Iman: Saya bersetuju dengan pendapat awak. Ibu bapa sebagai suri teladan anak-anak perlu menunjukkan budi pekerti yang baik jika mahu melahirkan anak-anak yang

berbudi pekerti kerana bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Biasanya, tingkah laku ibu bapa akan menjadi ikutan anak-anak.

Amir: Saya bersyukur kerana ibu bapa saya sentiasa menunjukkan contoh yang baik dan mendidik saya dengan nilai-nilai murni sejak kecil. Hal ini amat penting kerana melentur buluh, biarlah dari rebungunya.

Iman: Oh, bertuahnya kamu! Ibu bapa yang baik akan melahirkan anak-anak yang baik kerana jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau. Mereka akan sentiasa menjaga tingkah laku demi menjaga nama baik ibu bapa mereka.

Sumber : Internet

[6 markah]

BIL	PERIBAHASA	MAKSUD
1		
2		
3		

SOALAN 5 : PEMAHAMAN

PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kita dianjurkan agar mengawal atau mengurus perasaan marah. Perasaan ini perlu dikawal untuk mengelakkan kesan buruk akibat kemarahan yang tidak dikawal. Terdapat beberapa langkah yang boleh digunakan sebagai kawalan ketika marah.

Salah satu langkah untuk mengurus kemarahan adalah dengan cara bertenang semasa marah, tarik nafas dalam-dalam dan kosongkan fikiran. Tindakan ini mungkin dapat membantu anda menenangkan diri. Gunakan daya imaginasi anda untuk menggambarkan suasana yang tenang sambil menutup mata. Kemudian, lepaskan nafas perlahan-lahan.

Sumber : Saedah A. Ghani dan Rezki Perdani Sawai,
Pengurusan Kemarahan: Pengenalan dan Latihan, 2018,
Universiti Sains Islam Malaysia.

Bahan 2

Perasaan marah disebabkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran merangkumi lingkungan sosial dan alam sekitar. Faktor lingkungan sosial ialah suasana kerja, bebanan tugas, dan sikap rakan. Faktor alam sekitar pula adalah seperti cuaca dan bencana alam. Faktor dalaman pula berkaitan dengan sikap seperti panas baran dan tidak mampu mengawal diri untuk menghadapi tekanan.

Apabila anda marah, denyutan jantung dan tekanan darah akan meningkat. Selain itu, tahap hormon tenaga, adrenalina dan nonadrenalina juga akan bertambah. Oleh itu, anda mungkin akan bertindak agresif terhadap orang yang dimarahi. Kemarahan yang tidak dikendalikan dengan baik boleh menimbulkan masalah yang lain pula. Perhubungan silaturahim juga akan terjejas.

Bagi mengurangkan rasa ketegangan tersebut, seseorang perlu kembali ke *posisi normal*. Sekiranya dia sedang marah dan ketika itu dia sedang berdiri, maka dia perlu duduk. Seandainya kemarahan semakin sukar dikawal, dia perlu berbaring untuk mengawal emosi.

Sumber : www.myhealth.gov.my/pengurusan - kemarahan

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *posisi normal*. [2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan cara menangani kemarahan dalam diri seseorang. [3 markah]

(iii) Kemarahan yang tidak terkawal dengan baik boleh membawa akibat yang buruk kerana seseorang itu akan cenderung bertindak agresif.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang sukar untuk mengawal kemarahan? [4 markah]

(iv) Anda mempunyai rakan yang panas baran dan sukar untuk mengurus kemarahan sehingga menyebabkan hubungannya dengan orang lain terjejas.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah cara anda membantu rakan anda untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
I	Berdasarkan bahan 2, maksud posisi normal ialah	2M
li	Merujuk bahan 1 dan bahan 2, perbezaan cara menagani kemarahan dalam diri seseorang ialah	4M
lii	Pada pendapat saya , faKtor-faktor yang menyebabkan seseorang sukar untuk mengawal kemarahan ialah	4M